

Pindaan: PM belum terima laporan MT Umno

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau masih belum menerima laporan tentang keputusan pertemuan antara wakil Majlis Tertinggi Umno dan Raja-Raja Melayu mengenai pindaan Perlembagaan Negara yang berlangsung di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam hari ini.

"Saya belum menemui Encik Ghaffar Baba. Oleh kerana itu, saya tidak dapat memberi apa-apa ulasan sekarang," kata Perdana Menteri ketika ditemui selepas melancarkan *Zamalah Berita Harian*, di sini malam ini.

Naib Presiden Umno, Encik Ghaffar Baba, yang menjadi jurucakap Majlis Tertinggi Umno dalam pertemuan itu dilaporkan akan menyampaikan keputusan pertemuan itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir sebaik saja ia selesai.

Beliau juga menyatakan dukacita di atas kekalahan Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil kerusi Parlimen kawasan Seremban semalam.

Katanya, kekalahan itu memang telah diduga kerana bilangan majoriti yang kecil yang diperolehi oleh bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, ketika bertanding merebut kerusi itu dalam pilihanraya umum lalu.

Dalam pertandingan Sabtu lalu, calon DAP, Dr Chen Man Hin, menang dengan kelebihan 6,393 undi, menewaskan calon BN, Puan Rosie Teh.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir diringi oleh Pengerang Berita Harian, Encik Ahmad Sebi, masuk ke Dewan Nirwana untuk melancarkan *Zamalah Sastera Berita Harian*

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia